

Dasar Kebudayaan Negara jadi panduan pembangunan seni

BA - 27/10/2021 m/s: 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN 2021) bakal dijadikan panduan dan rujukan dalam merencana segenap pembangunan seni.

Menegaskan DAKEN 2021 adalah dokumen holistik dan seiring usaha menjadikan sektor budaya sebagai pemangkin sosioekonomi Keluarga Malaysia, beliau berkata, seluruh strategi dan pelan tindakan memiliki tujuh teras, iaitu budaya nilai tinggi, keharmonian masyarakat dan pe-

meliharaan serta pemuliharaan warisan budaya.

Teras lain, katanya, adalah pembangunan dan pengembangan budaya, pemeraksanaan budaya, penjanaan ekonomi kebudayaan dan kecemerlangan budaya.

"Setiap teras tersulam pembangunan modal insan secara konsisten. Selain pendidikan seni, budaya dan warisan secara formal, dasar ini turut menerapkan pendidikan tidak formal untuk melahirkan pelapis kepada penggiat seni, budaya dan warisan

sedia ada," katanya berucap melancarkan dasar itu, malam tadi.

Beliau berkata, DAKEN 2021 menggariskan hala tuju Malaysia menjadi 'Negara Maju Rakyat Berbudaya' dan digubal berlandaskan lima prinsip dalam Keluarga Malaysia, iaitu keterangkuman, kebersamaan, semangat kebanggaan, keterbukaan dan menyeluruh.

Perdana Menteri yang menaruh keyakinan tinggi terhadap keupayaan DAKEN 2021 sebagai usaha menjulang dan memartabatkan seni, budaya dan warisan

negara, mengajak seluruh Keluarga Malaysia agar mendukung dasar berkenaan supaya aspek seni, budaya dan warisan negara terus terpelihara.

"Kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya akan terus mempelbagai ikhtiar demi meningkatkan daya saing, visibiliti dan imej seni, budaya serta warisan negara sebagai teras pembangunan yang seimbang. Ibarat kata pepatah Melayu, 'sekati sama berat, diuji sama merah'," katanya.

Kerajaan juga, katanya, mene-

tapkan sasaran perolehan sektor budaya berada pada aras RM1 bilion menjelang 2025 dan melihat sektor itu memiliki potensi besar sebagai penjana ekonomi selepas 2019 sahaja, ia mencatat pendapatan RM585 juta berbanding RM542 juta pada 2017.

"Kini, ia menunjukkan pemulihan meyakinkan sejurus negara memasuki era endemik COVID-19. Kerajaan yakin sasaran perolehan RM1 bilion menjelang 2025 akan dapat dicapai melalui pelbagai strategi pembangunan dan program tersusun," katanya.